

Awani Rangers

1 Januari 2018

[http://www.astroawani.com/berita-malaysia/uthm-komited-lahir-ramai-sukarelawan-melalui-kursus-kepimpinan-164412?\\_ga=2.172492583.566629082.1518309575-1049841800.1518309574](http://www.astroawani.com/berita-malaysia/uthm-komited-lahir-ramai-sukarelawan-melalui-kursus-kepimpinan-164412?_ga=2.172492583.566629082.1518309575-1049841800.1518309574)

## UTHM KOMITED LAHIR RAMAI SUKARELAWAN MELALUI KURSUS KEPIMPINAN

Awani Rangers UTHM, AstroAwani | Diterbitkan pada Disember 31, 2017 21:05 MYT

Facebook Twitter Email Google whatsapp icon

UTHM komitedlahirramaisukarelawanmelaluiKursusKepimpinan



Kursus ini sebagai pendekatan penting dalam meningkatkan semangat sukarelawan. -Foto AWANI Rangers UTHM

BATU PAHAT: Bagi menyemangati kesukarelawan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dipilih menjadi tuan rumah bagi penganjuran Kursus Kepimpinan Sukarelawan Kebangsaan Zon Selatan bagi tahun 2017 yang berlangsung pada 15 hingga 17 Disember lalu.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajaran dan Alumni), Prof Madya Dr Asri Selamat, kursus yang diuruskan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar, UTHM dengan kerjasama pihak Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) ini melibatkan penyertaan 100 peserta daripada seluruh IPT di Malaysia.

Tambahnya, objektif utama pengajuran kursus ini adalah bagi mendekatkan para sukarelawan IPT dengan masyarakat luar sekali gus mewujudkan nilai University-Community Engagement (UCE) dan hubungan baik di antara universiti dan penduduk setempat.

"Apa yang menarik dalam kursus ini ialah di samping dimotivasi kandungan semangat kesukarelawanan, para peserta turut melakukan aktiviti amal seperti 'Buy & Donate' yang manfaatnya kemanusiaan aktifititersebut berpusat di suruhanjaya rumah-rumah kebajikan yang dipilih dan juga mangsa banjir," katanya.

Sementara itu, peserta kursus Hazim Halim pula menjelaskan program ini dapat mendahului dirinya berkaitan kerja-kerja sukarelawan dan dengan lebih mendalam selain mampu melatih peserta untuk berkomunikasi dengan lebih baik dengan masyarakat.

Bagi yang seorang sukarelawan itu bukan hanya dapat menyumbang dari padasegitiga dan wang ringgit tetapi mereka juga boleh menggunakan apa sahaja edah yang ada untuk membuat amal kebajikan.

---

\*Laporan ini disediakan oleh Awani Rangers, Nurul Atiqah Rohaizad dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan disunting oleh Suriayati Baharom.

\*\*Awani Rangers ialah inisiatif Astro AWANI bagaimanakah pelajar Institut Pengajian Tinggi berkongsi cerita serta menghasilkan bahan berita dan informasi dalam era kewartawanan moden.

\*\*Awani Rangers UTHM ialah inisiatif kerjasama strategik Astro AWANI dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).